Glosari

Dikemas kini pada 30 Ogos 2022

Umum

Sebelum tahun 2006, institusi perbankan terdiri daripada bank perdagangan, bank-bank Islam, syarikat kewangan, bank saudagar dan syarikat diskaun.

Mulai tahun 2006, institusi perbankan terdiri daripada bank perdagangan, bank-bank Islam dan bank pelaburan.

Penyata Statistik Bulanan mulai terbitan Disember 2013 mengandungi set data Kewangan dan Perbankan berkaitan dengan kunci kira-kira institusi kewangan (tidak termasuk data berkaitan dengan pinjaman/pembiayaan) yang telah disemak semula mulai tahun 2007. Ini merupakan langkah pertama Bank untuk membentuk satu taksonomi statistik yang standard, dengan istilah dan definisi data yang bersepadu (harmonised) bagi menjadikan keperluan pelaporan seluruh industri kewangan lebih cekap dan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS).

Set data yang lama adalah berdasarkan taksonomi yang diperkenalkan pada tahun 1999, dengan beberapa semakan dibuat sepanjang beberapa tahun yang lalu bagi mencerminkan perkembangan dalam sektor kewangan. Set data yang baharu adalah berdasarkan taksonomi yang disejajarkan sebaik mungkin dengan IFRS akan menghasilkan laporan kewangan dan statistik yang lebih konsisten serta memudahkan perbandingan antara negara. Perbezaan utama antara set data Kewangan dan Perbankan yang lama dengan set data yang baharu adalah terutamanya dari segi konsep dan definisi data, klasifikasi data pada peringkat yang lebih terperinci serta pemansuhan beberapa komponen data yang lama untuk digantikan dengan komponen data baharu bagi menggambarkan perkembangan sektor kewangan dan ekonomi Malaysia dengan lebih wajar.

Dalam menerima pakai taksonomi baharu ini, terdapat beberapa perubahan dalam konsep yang lantas menyebabkan perbezaan antara set data lama dengan set data baharu. Antara lain, jumlah aset dan liabiliti kini tidak lagi dicatat pada asas kasar tetapi pada asas bersih, iaitu selepas ditolak peruntukan dan susut nilai. Hasilnya, nilai jumlah aset dan liabiliti adalah lebih rendah. Pada amnya, perubahan ini telah menyebabkan penurunan dalam jumlah aset/liabiliti sebanyak 2% hingga 3%. Pengelasan semula juga dibuat terhadap komponen aset dan liabiliti jangka pendek dan jangka panjang, contohnya, perubahan dalam komponen Deposit, Wang Panggilan, Wang Tunai dan Kesamaan Tunai serta Penempatan Antara Bank.

Berikutan kajian semula terhadap taksonomi yang dinyatakan di atas, data bagi bulan Januari 2007 hingga Disember 2012, yang berkaitan dengan item kunci kira-kira, telah dipetakan (mapped) daripada taksonomi lama kepada taksonomi baharu, manakala data mulai bulan Januari 2013 diperoleh daripada institusi kewangan berdasarkan taksonomi baharu. Pemetaan set data taksonomi lama kepada taksonomi baharu bertujuan untuk menyediakan siri data yang lebih panjang bagi memudahkan analisis trend sejarah. Walau bagaimanapun, pengguna data harus mengambil perhatian bahawa terdapat jeda (break) pada trend sejarah antara Disember 2012 dan Januari 2013, terutamanya apabila mengkaji komponen pada peringkat yang lebih terperinci.

Bagi Agregat Monetari (Jadual 1.3, 1.3.1 dan 1.3.2), item data, yang mana boleh, telah diselaraskan untuk menepati definisi konsep yang sedia ada. Bermula bulan Januari 2014, proses penyusunan telah menggunakan data yang dikumpulkan berdasarkan taksonomi baharu, yang akan menyebabkan jeda (break) dalam siri sejarah. Bagi memudahkan analisis terhadap trend, siri data setahun yang lalu yang konsisten dengan bulan Januari 2014 telah diterbitkan dalam terbitan Penyata Statistik Bulanan.

Rujuk kepada Penyata Statistik Bulanan terbitan November 2013 untuk set data yang lalu bagi Kewangan dan Perbankan, dan Penyata Statistik Bulanan terbitan Disember 2013 untuk set data yang lalu bagi Agregat Monetari (Jadual 1.3, 1.3.1 dan 1.3.2).

64 jadual baharu Insurans dan Takaful telah dimasukkan dalam Penyata Statistik Bulanan bermula dari terbitan bulan November 2013.

Mulai terbitan bulan Ogos 2022, jadual statistik yang berkaitan dengan pinjaman/pembiayaan telah disemak dan diperluas. Data ini berdasarkan keperluan terkini dengan takrifan data dan kaedah pelaporan yang lebih tepat. Hal ini akan meningkatkan kualiti, butiran dan perbandingan data bagi memudahkan analisis data dan membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi. Semakan ini melibatkan 20 jadual Penyata Statistik Bulanan yang berkaitan dengan pinjaman/pembiayaan dan merangkumi data daripada bulan Julai 2021 untuk menyediakan siri data yang lebih lama bagi memudahkan analisis trend sejarah. Pengguna akan melihat perubahan tahap bagi kebanyakan siri masa data pinjaman/pembiayaan untuk kedudukan data mulai bulan Julai 2021 tetapi trend asas pertumbuhan sebahagian besarnya kekal konsisten. Seterusnya, data 6 bulan terkini akan dikemas kini setiap bulan dan pengemaskinian semula untuk data 12 bulan akan dilakukan secara tahunan bagi setiap penerbitan bulan Januari untuk mengambil kira pemprosesan semula data yang terdahulu yang dilakukan oleh institusi pelaporan. Selain itu, terdapat juga lima jadual Penyata Statistik Bulanan tambahan bagi pinjaman/pembiayaan mengikut jenis kemudahan untuk menyediakan maklumat pinjaman/pembiayaan yang lebih terperinci.

1.1 Wang Rizab

Wang Rizab = Mata wang dalam Edaran + Rizab Berkanun + Lebihan Rizab

Mata wang dalam Edaran merujuk wang kertas dan duit syiling yang dikeluarkan oleh BNM ditolak jumlah yang dipegang oleh institusi perbankan.

Rizab Berkanun merujuk jumlah rizab yang disimpan oleh institusi perbankan (kecuali syarikat diskaun) dengan BNM sebagai mematuhi Keperluan Rizab Berkanun (SRR) yang telah ditetapkan.

Institusi perbankan dikehendaki menyimpan dengan BNM jumlah rizab yang bersamaan dengan nisbah keperluan rizab berkanun yang didarab dengan tanggungan layak.

Lebihan Rizab merujuk mata wang yang dipegang oleh institusi perbankan dan akaun semasa (termasuk akaun semasa Skim Perbankan Islam atau SPI) yang disimpan oleh institusi perbankan dengan BNM.

Deposit yang Disimpan oleh Sektor Swasta. Deposit ini tidak termasuk dalam definisi wang rizab sejak 1 April 1997, yang merujuk kepada deposit permintaan dan deposit tetap yang disimpan oleh institusi kewangan yang lain dan agensi awam seperti Pihak Berkuasa Awam Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan badan-badan berkanun yang lain. Bagi melaksanakan sebahagian daripada peranan sebagai jurubank kepada Kerajaan, BNM telah menyediakan perkhidmatan perbankan runcit (menerima deposit dan menyediakan perkhidmatan sama yang kebiasaannya dijalankan oleh bank perdagangan untuk pelanggan mereka) kepada institusi kewangan lain dan badan berkanun lain. Walau bagaimanapun, berkuat kuasa 1 April 1997, BNM telah tidak lagi menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

Faktor-faktor Mempengaruhi Wang Rizab = Tuntutan Bersih ke atas Kerajaan + Tuntutan ke atas Sektor Swasta + Operasi Luar + Pengaruh Lain

Tuntutan Bersih ke atas Kerajaan = Tuntutan ke atas Kerajaan - Deposit Kerajaan

Tuntutan ke atas Kerajaan merujuk pemegangan instrumen hutang Kerajaan oleh BNM (Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bil Perbendaharaan dan Terbitan Pelaburan Kerajaan).

Deposit Kerajaan merujuk deposit yang disimpan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri dengan BNM. Walau bagaimanapun, Kerajaan-kerajaan negeri tidak lagi menyimpan deposit dengan BNM sejak April 1997.

Tuntutan ke atas Sektor Swasta merujuk sumbangan BNM kepada tabung-tabung khas, serta pinjaman dan pendahuluan kepada institusi-institusi kewangan bukan bank.

Operasi Luar merujuk rizab antarabangsa bersih BNM.

Rizab Antarabangsa Bersih BNM = Aset Luar BNM - Liabiliti Luar BNM

Aset Luar BNM merujuk pegangan emas dan pertukaran asing oleh BNM, milikan Hak Pengeluaran Khas dan kedudukan rizab BNM dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Liabiliti Luar BNM merujuk deposit yang disimpan dengan BNM oleh bank-bank pusat lain dan organisasi antarabangsa.

Pengaruh Lain ialah semua aset dan liabiliti dalam kunci kira-kira BNM yang belum diambil kira dalam mana-mana kategori di atas. Antaranya ialah modal dan rizab BNM, pendapatan bersih BNM dan deposit pasaran wang institusi perbankan dengan BNM.

1.28a Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (LCR)

Mulai terbitan bulan Jun 2015, Jadual 1.28a: Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (LCR) yang diterbitkan dalam Penyata Statistik Bulanan akan menggantikan Jadual 1.28: Rangka Kerja Mudah Tunai Baharu. Rangka Kerja Nisbah Perlindungan Mudah Tunai, yang berkuat kuasa 1 Jun 2015 sebagai sebahagian daripada pembaharuan Basel III, telah menggantikan Rangka Kerja Mudah Tunai dan Rangka Kerja Mudah Tunai-i yang dikeluarkan oleh Bank pada tahun 1998. Jadual 1.28 akan kekal statik selepas terbitan Penyata Statistik Bulanan bulan Mei 2015.

Data LCR akan dikemas kini dalam format Excel setiap bulan iaitu pada 12hb bulan kedua selepas akhir bulan pelaporan (contoh, 12 Ogos untuk kedudukan pada bulan Jun). Data yang sama akan dikemas kini dalam MSB versi e-Book untuk bulan yang berikutnya.

1.3 Agregat Kewangan: M1, M2 dan M3

M1 = Mata wang dalam Edaran + Deposit Permintaan

Mata wang dalam Edaran merujuk wang kertas dan duit syiling yang dikeluarkan oleh BNM ditolak jumlah yang dipegang oleh bank perdagangan dan bank-bank Islam.

Deposit Permintaan merujuk akaun semasa (termasuk akaun semasa SPI) sektor swasta bukan bank dan bank pelaburan (termasuk syarikat kewangan, bank saudagar dan syarikat diskaun sebelum tahun 2006) yang disimpan dengan bank perdagangan dan bank-bank Islam.

M2 = M1 + Separuh Wang Secara Kecil

Separuh Wang Secara Kecil = Deposit Tabungan + Deposit Tetap + NID + Repo + Deposit Mata wang Asing

Separuh Wang Secara Kecil merujuk jumlah deposit/ instrumen yang memberikan pulangan faedah (termasuk deposit dan instrumen SPI) yang disimpan oleh sektor swasta bukan bank dengan bank perdagangan dan bank Islam (tidak termasuk simpanan antara institusi perbankan ini). Deposit mata wang asing ialah deposit dalam mata wang asing yang disimpan oleh pemastautin (bukan bank) dan entiti asing dengan bank perdagangan dan bank-bank Islam.

M3 = M2 + Deposit Yang Disimpan dengan Institusi Perbankan Lain

Deposit Yang Disimpan dengan Institusi Perbankan Lain merujuk jumlah deposit/instrumen yang memberikan pulangan faedah (termasuk deposit dan instrumen SPI) yang disimpan oleh sektor swasta bukan bank dengan bank pelaburan (tidak termasuk simpanan antara institusi perbankan tersebut).

Pada bulan Jun 2019, data telah disemak untuk mengambil kira 'pengambilalihan' Asian Finance Bank Berhad oleh Malaysia Building Society Berhad untuk menubuhkan MBSB Bank Berhad. Data disemak merujuk data mulai bulan April 2018.

1.3.1 Wang Secara Luas, M3

Baki Urus Niaga = Mata wang dalam Edaran + Deposit Permintaan

Mata wang dalam Edaran merujuk wang kertas dan duit syiling yang dikeluarkan oleh BNM ditolak jumlah wang yang dipegang oleh institusi perbankan.

Deposit Permintaan merujuk akaun semasa (termasuk akaun semasa SPI) sektor swasta bukan bank yang disimpan dengan bank perdagangan dan bank-bank Islam. Juga termasuk wang panggilan yang disimpan dengan bank pelaburan.

Separuh Wang Secara Luas = Deposit Tabungan + Deposit Tetap + NID + Repo + Deposit Mata wang Asing

Separuh Wang Secara Luas merujuk jumlah deposit/ instrumen (termasuk deposit dan instrumen SPI) yang memberikan pulangan faedah yang disimpan oleh sektor swasta bukan bank dengan institusi perbankan (tidak termasuk simpanan antara institusi tersebut). Deposit mata wang asing ialah deposit dalam mata wang asing yang disimpan oleh pemastautin (bukan bank) dan entiti asing dengan bank perdagangan, bank-bank Islam dan bank pelaburan.

Pada bulan Jun 2019, data telah disemak untuk mengambil kira 'pengambilalihan' Asian Finance Bank Berhad oleh Malaysia Building Society Berhad untuk menubuhkan MBSB Bank Berhad. Data disemak merujuk data mulai bulan April 2018.

1.3.2 Faktor Penentu M3

Faktor Penentu M3 = Tuntutan Bersih ke atas Kerajaan + Tuntutan ke atas Sektor Swasta + Operasi Luar Bersih + Pengaruh Lain

Tuntutan Bersih ke atas Kerajaan = Tuntutan ke atas Kerajaan – Deposit Kerajaan

Tuntutan ke atas Kerajaan merujuk pegangan instrumen hutang Kerajaan Persekutuan (Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), Bil Perbendaharaan dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII), dan pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri oleh BNM dan institusi perbankan.

Deposit Kerajaan merujuk deposit yang disimpan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dengan BNM dan institusi perbankan. Walau bagaimanapun, Kerajaan-kerajaan negeri tidak lagi menyimpan deposit dengan BNM sejak April 1997.

Tuntutan ke atas Sektor Swasta = Pinjaman + Sekuriti

Pinjaman merujuk jumlah pinjaman dan pendahuluan (termasuk pinjaman yang djual kepada Cagamas dengan rekursa, mulai Disember 1996) yang diberikan oleh BNM dan institusi perbankan kepada sektor swasta bukan bank.

Sekuriti merujuk pemegangan sekuriti hutang swasta (nota dan bon), nota dan bon Cagamas, stok dan saham oleh institusi perbankan

Operasi Luar Bersih = Rizab Antarabangsa Bersih BNM + Aset Luar Bersih Sistem Perbankan

Aset Luar Bersih Sistem Perbankan merujuk aset luar institusi perbankan ditolak liabiliti luar institusi perbankan. Deposit oleh bukan pemastautin tidak dimasukkan dalam klasifikasi ini kerana deposit ini diklasifikasikan di bawah pelbagai komponen bekalan wang seperti deposit permintaan, deposit tetap dan deposit mata wang asing.

Pengaruh Lain merujuk semua aset dan liabiliti lain dalam kunci kira-kira BNM dan institusi perbankan yang tidak diambil kira dalam mana-mana kategori di atas. Antara kategori utama ialah modal berbayar dan rizab, keuntungan atau kerugian BNM serta institusi perbankan dan peruntukan bagi hutang lapuk dan ragu.

Pada bulan Jun 2019, data telah disemak untuk mengambil kira 'pengambilalihan' Asian Finance Bank Berhad oleh Malaysia Building Society Berhad untuk menubuhkan MBSB Bank Berhad. Data disemak merujuk data mulai bulan April 2018.

Bermula bulan Julai 2022, terdapat pengelasan semula entiti antara sektor awam dengan sektor swasta bagi data pinjaman.

1.4 Bank Negara Malaysia: Penyata Aset

Emas dan Pertukaran Asing merujuk pemegangan emas, sekuriti dan pelaburan asing dan aset asing lain oleh BNM. Ini termasuk pemegangan mata wang yang dikeluarkan oleh Lembaga Pesuruhjaya Matawang Malaya dan British Borneo, sejak bulan Jun 1967 dan jumlah yang diperoleh daripada Pihak Berkuasa Kewangan Singapura di bawah pengaturan saling pertukaran (sehingga 7 Ogos 1973). Kesemua urus niaga dalam mata wang asing telah ditukar kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh nilai. Sebelum tahun 1997, aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira pada setiap akhir tahun. Walau bagaimanapun, berkuat kuasa dari tahun 1997, BNM telah menggunakan prinsip perakaunan berasaskan nilai buku yang konservatif apabila rizab tidak dinilai semula mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira. Berkuat kuasa pada 15 September 1998, susulan penetapan kadar pertukaran Ringgit/ Dolar Amerika pada RM3.80, semua aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula dalam ringgit mengikut kadar pertukaran semasa pada tarikh pelaporan dan keuntungan daripada penilaian semula kadar pertukaran tersebut telah diambil kira dalam rekod perakaunan Bank. Berkuat kuasa pada 1 Januari 1999, semua aset dan liabiliti dalam mata wang asing akan dinilai semula pada setiap suku tahunan.

Kedudukan Tranche Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) merujuk kuota Malaysia dalam IMF ditolak pemegangan mata wang Malaysia oleh IMF.

Milikan Hak Pengeluaran Khas. Hak Pengeluaran Khas (SDR) ialah rizab tanpa syarat yang diwujudkan oleh IMF. SDR ini diperuntukkan pada masa-masa yang dipersetujui kepada anggota IMF yang menyertai Jabatan Hak Pengeluaran Khas berdasarkan formula yang dipersetujui sebagai tambahan kepada rizab kewangan antarabangsa IMF.

Kertas Kerajaan Malaysia merujuk pemegangan instrumen hutang Kerajaan oleh BNM (Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bil Perbendaharaan dan Instrumen Pelaburan Kerajaan).

Bil yang telah Didiskaunkan terdiri daripada pinjaman yang diberikan di bawah skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR).

Deposit dengan Institusi Kewangan merujuk simpanan kasar BNM dengan institusi kewangan yang termasuk simpanan pasaran wang, deposit wang pencen dan deposit penalti yang dipinjamkan (deposit yang sebelumnya diterima daripada institusi perbankan kerana tidak mematuhi garis panduan BNM bagi pinjaman kepada sektor-sektor yang diberi keutamaan).

Pinjaman dan Pendahuluan terdiri daripada terutamanya pinjaman yang diberikan oleh BNM kepada institusi kewangan yang menyertai skim-skim seperti Tabung Usahawan Baharu, Tabung Pemulihan Usahawan dan Tabung Pusingan bagi Pembangunan Rumah Kos Rendah.

Perbelanjaan Tertunda merupakan kekurangan bersih hasil daripada urus niaga pertukaran asing pada tahun 1993. Kerajaan Malaysia telah memberikan jaminan untuk menanggung kekurangan ini pada bila-bila masa dikehendaki oleh BNM. Jumlah ini sedang dilunaskan untuk tempoh 10 tahun sejak tahun 1994.

Aset Lain termasuk pelaburan dalam saham oleh BNM di bawah Seksyen 30(1)(j) dan Seksyen 30(1)(00)(i) Akta Bank Negara Malaysia 1958 (Pindaan 1994).

1.5 Bank Negara Malaysia: Penyata Modal dan Liabiliti

Modal Berbayar. Keseluruhan terbitan dan modal berbayar yang berjumlah sebanyak RM100 juta dimiliki oleh Kerajaan Malaysia.

Kumpulan Wang Rizab Am. Seksyen 7(3)(a) daripada Akta Bank Negara Malaysia 1958 (Pindaan-1994) menggariskan bahawa Menteri Kewangan, selepas berunding dengan Lembaga Pengarah Bank, akan menentukan jumlah bahagian daripada keuntungan bersih yang harus dikreditkan ke dalam kumpulan wang rizab am.

Rizab Lain terdiri daripada Rizab Turun Naik Kadar Pertukaran, Rizab Turun Naik Pelaburan, Rizab Insurans dan Rizab Luar Jangka.

Mata wang dalam Edaran. BNM mula mengeluarkan mata wang Malaysia (Ringgit) pada 12 Jun 1967. Data yang dilaporkan merujuk kepada jumlah wang kertas dan duit syiling yang dikeluarkan oleh BNM termasuk jumlah yang dipegang oleh institusi perbankan.

Deposit yang Disimpan oleh Institusi Kewangan merujuk deposit rizab berkanun, baki penjelasan, deposit pasaran wang dan baki akaun vostro institusi perbankan yang disimpan dengan BNM.

Deposit yang Disimpan oleh Kerajaan Persekutuan. Sebahagian besar dana mudah tunai Kerajaan Persekutuan disimpan dengan BNM selaku jurubank Kerajaan. Akaun utama Kerajaan ialah akaun deposit am yang mencerminkan operasi Kerajaan Persekutuan.

Deposit Lain termasuk deposit yang disimpan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Bil dan Bon Bank Negara merujuk Bil Bank Negara dan Bon Simpanan Malaysia terbitan BNM.

Peruntukan Hak Pengeluaran Khas. Negara-negara anggota IMF diperuntukkan Hak Pengeluaran Khas (SDR) mengikut bahagian yuran mereka kepada IMF. Peruntukan ini merupakan suatu liabiliti tidak aktif BNM terhadap IMF, dengan aset diterima dalam bentuk SDR daripada IMF.

Liabiliti Lain termasuk deposit bukan pemastautin dan pelbagai liabiliti lain.

1.7, 1.7.1 - 1.7.5 Sistem Perbankan: Penyata Aset

Bermula tahun 2008, *data sistem perbankan Islam* meliputi data perbankan Islam bank perdagangan dan bank pelaburan/saudagar.

Wang Tunai dan Kesamaan Tunai merujuk wang tunai dan baki dengan bank dan institusi kewangan lain, deposit jangka pendek termasuk wang panggilan dan deposit lain yang mempunyai tempoh matang kurang daripada 3 bulan, serta wang tunai lain dan kesamaan tunai.

*Deposit Lain yang Disimpan dan Repo Berbalik t*ermasuk repo berbalik dan deposit dengan tempoh matang lebih daripada 3 bulan, iaitu deposit tetap, akaun pelaburan khas dan am, wang amanah yang dipegang oleh klien dan remisier sebagai deposit, dan deposit lain yang disimpan.

Jumlah yang akan Diterima daripada Institusi Kewangan yang Ditetapkan merujuk jumlah hutang konvensional dan jumlah dipinjam oleh institusi kewangan yang ditetapkan daripada Sistem Perbankan Islam (IBS), yang dicatat dalam akaun vostro dalam RM yang terlebih dikeluarkan, akaun nostro dalam RM, jumlah lebihan dalam RM, simpanan antara bank dalam RM, akaun nostro dalam FX, dan simpanan antara bank dalam FX.

Institusi Bukan Bank Lain merujuk entiti bukan bank, iaitu institusi kewangan bukan bank, perusahaan perniagaan, Kerajaan, individu dan entiti lain.

Instrumen Deposit Boleh Niaga (NID) yang Dipegang merujuk pemegangan NID dalam RM, termasuk NID bukan Skim Perbankan Islam dan NID Sistem Perbankan Islam yang dikeluarkan oleh bank perdagangan dan bank saudagar/pelaburan lain.

Bil Perbendaharaan merujuk sekuriti hutang yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan. Ciri-cirinya termasuk tempoh matang asal tidak lebih daripada satu tahun, kadar faedah tidak perlu dibayar dan bil dikeluarkan pada nilai muka yang didiskaun.

Sekuriti Kerajaan merujuk sekuriti hutang yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan. Ciri-cirinya termasuk tempoh matang asal tidak lebih daripada satu tahun dan kadar faedah dibayar secara berkala, lazimnya dua kali setahun.

Pinjaman dan Pendahuluan dilaporkan pada asas bersih setelah ditolak peruntukan bagi pinjaman terjejas, mulai Januari 2010.

Harta Benda, Loji dan Kelengkapan dilaporkan pada asas bersih setelah ditolak susut nilai dan pinjaman terjejas, bermula Januari 2013.

Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia merujuk sekuriti hutang yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan. Ciri-cirinya termasuk tempoh matang asal melebihi satu tahun dan keuntungan dibayar secara berkala.

Akaun pelaburan telah dimasukkan dalam Penyata Statistik Bulanan bermula dari terbitan bulan Mei 2016. Mulai 1 Julai 2015, bank-bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) serta bank berlesen dan bank pelaburan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) yang dibenarkan di bawah seksyen 15 FSA untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam, dikehendaki menyiarkan secara berasingan wang yang diterima sebagai deposit Islam atau akaun pelaburan. Data akaun pelaburan boleh didapati dalam jadual 1.7, 1.7.1 – 1.7.3 Penyata Aset.

Pada bulan Jun 2019, data telah disemak untuk mengambil kira 'pengambilalihan' Asian Finance Bank Berhad oleh Malaysia Building Society Berhad untuk menubuhkan MBSB Bank Berhad. Data disemak merujuk data mulai bulan April 2018 dan boleh didapati dalam jadual 1.7, 1.7.1 – 1.7.3 Penyata Aset

Pada bulan Julai 2022, pengurangan data 'Pinjaman dan pendahuluan' dalam Jadual 1.7 dan 1.7.1 Penyata Aset adalah disebabkan oleh pengelasan semula Akaun Pelaburan Perkongsian Untung Terhad (Restricted Profit Sharing Investment Account, RPSIA) ke Luar Kunci Kira-Kira supaya sejajar dengan dasar Akaun Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank dan Pengiktirafan item Luar Kunci Kira-Kira oleh MFRS9.

1.9, 1.9.1 - 1.9.4 Sistem Perbankan: Penyata Ekuiti dan Liabiliti

Bermula tahun 2008, data sistem perbankan Islam meliputi data perbankan Islam bank perdagangan dan bank pelaburan/saudagar.

Jumlah Ekuiti termasuk untung/rugi semasa sebelum pelarasan dan belum diaudit.

Deposit di bawah Tabung Pelaburan Baharu merujuk deposit Kerajaan yang disimpan dengan bank perdagangan untuk membiayai projek baharu (perkilangan, pertanian, perlombongan dan pelancongan) di bawah Tabung Pelaburan Baharu yang meliputi deposit untuk pinjaman kepada peniaga dan penjaja kecil.

Jumlah yang akan Dibayar kepada Institusi Kewangan yang Ditetapkan merujuk jumlah tuntutan oleh institusi kewangan yang ditetapkan ke atas institusi yang membuat laporan dalam akaun vostro RM, akaun nostro dalam RM terlebih dikeluarkan, peminjaman dalam RM, peminjaman antara bank dalam RM, akaun nostro dalam FX terlebih dikeluarkan, peminjaman antara bank dalam FX dan jumlah yang akan dibayar Sistem Perbankan Islam (IBS) dalam RM dan FX kepada institusi kewangan yang ditetapkan, yang bersamaan dengan IBS seperti dinyatakan di atas.

Bil Kena Dibayar merujuk jumlah yang perlu dibayar kepada pelbagai penerima yang mendapat faedah daripada penjualan draf bank, arahan juruwang, pindahan melalui pos, pindahan telegraf dan cek hadiah.

Liabiliti Lain termasuk pinjaman yang djual kepada Cagamas dengan rekursa.

Akaun pelaburan telah dimasukkan dalam Penyata Statistik Bulanan bermula dari terbitan bulan Mei 2016. Mulai 1 Julai 2015, bank-bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) serta bank berlesen dan bank pelaburan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) yang dibenarkan di bawah seksyen 15 FSA untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam, dikehendaki menyiarkan secara berasingan wang yang diterima sebagai deposit Islam atau akaun pelaburan. Data akaun pelaburan boleh didapati dalam jadual 1.9, 1.9.1 – 1.9.3 Penyata Ekuiti dan Liabiliti

Pada bulan Jun 2019, data telah disemak untuk mengambil kira 'pengambilalihan' Asian Finance Bank Berhad oleh Malaysia Building Society Berhad untuk menubuhkan MBSB Bank Berhad. Data disemak merujuk data mulai bulan April 2018 dan boleh didapati dalam jadual 1.9, 1.9.1 – 1.9.3 Penyata Ekuiti dan Liabiliti

Pada bulan Julai 2022, penurunan bilangan 'Akaun Pelaburan yang Akan Dibayar kepada Institusi Kewangan Tertentu' dalam Jadual 1.9 dan 1.9.1 Penyata Ekuiti dan Liabiliti adalah disebabkan oleh pengelasan semula RPSIA ke Luar Kunci Kira-Kira supaya sejajar dengan dasar Akaun Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank dan Pengiktirafan item Luar Kunci Kira-Kira oleh MFRS9.

Pengelasan Pinjaman Mengikut Tujuan, Sektor dan Jenis Kemudahan

Mulai terbitan bulan Ogos 2022, jadual statistik yang berkaitan dengan pinjaman/pembiayaan telah disemak dan diperluas berdasarkan keperluan terkini dengan takrifan data dan kaedah pelaporan yang lebih tepat, seperti yang berikut:

i. Penyata Statistik Bulanan 1.11, 1.13, 1.15, 1.17, 1.19.1, 1.20 dan 1.23 telah disemak untuk menyediakan data sektor industri berdasarkan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (Malaysia Standard Industrial Classification, MSIC) 2008. MSIC 2008 mematuhi rapat International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC) Revision 4, yang diterbitkan oleh Bahagian Statistik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dengan beberapa pengubahsuaian yang sesuai dengan keperluan negara.
ii. Data pengeluaran dan bayaran balik pinjaman/pembiayaan serta pinjaman/pembiayaan terjejas yang diterbitkan dalam Penyata Statistik Bulanan 1.14, 1.15, 1.16, 1.17, 1.21, 1.21.1, 1.22 dan 1.23 telah diseragamkan kepada asas kasar dan bukannya asas bersih.
iii. Penyata Statistik Bulanan 1.19 dan 1.22 telah disemak dengan adanya kumpulan baharu harga rumah (dengan harga antara bawah RM250 ribu hingga melebihi RM1 juta) bagi mencerminkan perkembangan semasa pasaran perumahan.
iv. Penyata Statistik Bulanan 1.18.2 telah diperluas untuk memberikan lebih banyak konsep pembiayaan Islam (contohnya, pembiayaan dan usaha secara Musyarakah, Qard dan Tawarruq) berikutan perkembangan penting dalam penggunaan kontrak Syariah bagi pembiayaan oleh industri perbankan Islam.
v. Penyata Statistik Bulanan 1.10, 1.11, 1.12 dan 1.13 telah disemak untuk menunjukkan jumlah yang lebih tepat bagi permohonan yang diterima dan diluluskan pada bulan tersebut, tanpa mengira sela masa permohonan pengeluaran oleh pelanggan pada bulan yang sama.

Format dan struktur jadual Penyata Statistik Bulanan yang disemak kekal sama dengan pengelasan semula sebelum ini yang berkuat kuasa pada bulan April 2006, iaitu pinjaman/pembiayaan kepada semua pelanggan dikelaskan di bawah KEDUA-DUA sektor ekonomi/industri DAN tujuan.

Pinjaman mengikut sektor (sektor ekonomi/industri + sektor isi rumah) = Pinjaman mengikut tujuan (Jumlah Pinjaman)

Sektor Isi Rumah = Jumlah pinjaman mengikut tujuan kepada isi rumah

Sebelum bulan April 2006, pinjaman kepada semua pelanggan kecuali isi rumah dikelaskan di bawah sektor ekonomi/industri ATAU tujuan, manakala pinjaman kepada isi rumah dikelaskan hanya di bawah tujuan.

Pinjaman mengikut sektor ekonomi/industri + Pinjaman mengikut tujuan = Jumlah Pinjaman

Oleh itu, pecahan mengikut sektor dan tujuan dalam jadual **1.10a - 1.17a, 1.19a, 1.19.1a, 1.19.2, 1.19.4, 1.19.5, 1.20a, 1.20.1, 1.20.3** tidak boleh dibandingkan secara langsung dengan pecahan sektor dan tujuan dalam jadual **1.13.1, 1.15.1, 1.17.1, 1.19.3, 1.20.2, 1.20.4, 1.20.5, 1.20.6**. Pengelasan bagi sektor ekonomi/industri dan subsektornya dalam jadual yang lama ini adalah berdasarkan MSIC 2000 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Terdapat tiga pecahan lengkap mengikut industri yang berkuat kuasa mulai bulan Disember 2006 iaitu bank Perdagangan, bank-bank Islam dan bank Pelaburan. Sebelum itu, pembiayaan oleh bank-bank Islam telah dikumpulkan bersama-sama dengan bank Perdagangan ke dalam satu kategori.

Pada bulan Jun 2019, data telah disemak untuk mengambil kira 'pengambilalihan' Asian Finance Bank Berhad oleh Malaysia Building Society Berhad untuk menubuhkan MBSB Bank Berhad. Data yang disemak merujuk data mulai bulan April 2018.

1.10, 1.12, 1.14, 1.16, 1.19, 1.19.1, 1.22 Sistem Perbankan: Pengelasan Pinjaman mengikut Tujuan

Pembelian Sekuriti merujuk pinjaman yang dikeluarkan untuk membiayai pembelian sekuriti di pasaran utama dan juga pasaran sekunder. Hal ini termasuk pinjaman yang dikeluarkan untuk menggantikan pinjaman lain yang telah dikeluarkan sebelum ini oleh pihak lain untuk pembelian sekuriti.

Pembelian Aset Tetap selain Tanah dan Bangunan merujuk pembelian aset tetap, selain tanah dan bangunan yang digunakan/akan digunakan bagi tujuan aktiviti perniagaan peminjam. Kategori ini merangkumi jentera dan peralatan yang digunakan bagi tujuan pengeluaran atau pembekalan barangan atau perkhidmatan, atau tujuan pentadbiran, atau dijual dalam urusan biasa perniagaan, atau disewa kepada pihak lain.

> *Pembelian Kenderaan Pengangkutan* merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membiayai pembelian kenderaan bermotor bagi tujuan pengangkutan barangan dan/atau penumpang.
>
> *Pembelian Kereta Penumpang* merujuk pinjaman/pembiayaan untuk pembelian kenderaan bermotor yang digunakan khususnya untuk membawa sejumlah penumpang yang terhad, dan termasuk kenderaan pelbagai fungsi yang disesuaikan untuk membawa penumpang (dan bukan barangan) tetapi tidak termasuk bas dan bas mini.

Pembelian Harta Kediaman merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membeli atau membiayai semula pembelian harta kediaman untuk tujuan kediaman persendirian, termasuk pinjaman/pembiayaan perumahan yang dijual kepada Cagamas dengan rekursa, yang dikelaskan kepada RM250, 000 dan ke bawah, RM250, 001–RM500, 000, RM500,001–RM1,000,000, dan lebih daripada RM1, 000,000.

Pembelian Harta Bukan Kediaman merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membeli dan membiayai semula pembelian harta bukan kediaman. Harta bukan kediaman bermaksud harta yang tidak digunakan untuk kediaman persendirian yang termasuk bangunan perindustrian, kilang, tanah, kompleks komersial, gudang, pejabat Kecil/pejabat Fleksibel (Small office/Flexible office, SoFo), pejabat Kecil/pejabat Serba Guna (Small office/Versatile Office, SoVo) dan bangunan lain bukan untuk kediaman.

Kegunaan Persendirian merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan kepada individu untuk kegunaan persendirian sahaja, dan tidak termasuk pinjaman/pembiayaan kepada individu untuk pembelian sekuriti, tanah dan bangunan serta aset tetap lain.

> *Pembelian Barangan Pengguna Tahan Lama* merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk pembelian barangan pengguna tahan lama seperti perkakasan rumah untuk kegunaan persendirian.

Kad Kredit merujuk kredit terkumpul yang dikeluarkan kepada pelanggan menggunakan kad kredit/caj yang dikeluarkan oleh institusi pelaporan dan termasuk pengeluaran wang tunai menggunakan kad-kad seperti ini

Pembinaan merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan kepada pelanggan untuk membiayai kerja pembinaan am termasuk kerja kejuruteraan awam, kerja kontrak khas, pembinaan bangunan perindustrian dan kilang, pembinaan infrastruktur, kompleks komersial, rumah kediaman dan aktiviti pembinaan lain.

Modal Kerja merujuk pengeluaran pinjaman/pembiayaan kepada perniagaan untuk digunakan bagi memudahkan transaksi/aktiviti perniagaan harian (contohnya, perbelanjaan operasi, pembelian inventori, pembiayaan belum terima) dan secara amnya bukan untuk tujuan membiayai pembelian aset jangka panjang atau pelaburan.

Tujuan Lain merujuk tujuan yang tidak dikelaskan di tempat lain dalam kelas atau subkelas di bawah tujuan. Hal ini termasuk pinjaman/pembiayaan untuk tujuan penggabungan dan pengambilalihan serta pinjaman selanjutnya.

Jumlah pinjaman/pembiayaan merujuk pinjaman/pembiayaan kasar terkumpul yang termasuk pinjaman/pembiayaan perumahan

yang dijual kepada Cagamas. Jumlah pecahan tidak semestinya sama dengan jumlah keseluruhan pinjaman/pembiayaan disebabkan oleh penggenapan.

1.11, 1.13, 1.15, 1.17, 1.20, 1.19.1, 1.23 Sistem Perbankan: Pengelasan Pinjaman mengikut Sektor

Pertanian, Perhutanan dan Perikanan merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membiayai pelanggan dalam industri tanaman kontan, ternakan, pembalakan, pengurusan hutan, ayam itik, pertanian, perikanan dan perkhidmatan pertanian.

Perlombongan dan Pengkuarian merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membiayai pelanggan dalam industri perlombongan arang batu, pengeluaran petroleum mentah dan gas asli, perlombongan bijih logam dan pengkuarian.

Perkilangan merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membiayai pelanggan dalam perkilangan pelbagai jenis barangan, termasuk pemprosesan makanan, getah, kelapa sawit dan sebagainya, perkilangan pakaian, barangan kulit, kayu dan keluaran kayu, kertas dan keluaran kertas, percetakan, penerbitan, perkilangan kimia dan keluaran kimia, petroleum, arang batu, keluaran getah dan plastik, perkilangan keluaran besi dan keluli, perkilangan barangan keluaran logam, jentera dan kelengkapan dan lain-lain.

Bekalan Elektrik, Gas, Wap dan Penyaman Udara merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membiayai pelanggan dalam industri operasi utiliti elektrik dan gas yang menjana, menyalurkan dan mengagihkan kuasa elektrik atau gas. Hal ini juga termasuk menyediakan bekalan wap dan penyaman udara tetapi tidak termasuk operasi utiliti air dan pembetungan serta pengangkutan gas melalui saluran paip (lazimnya jarak jauh).

Aktiviti Bekalan Air, Pembetungan, Pengurusan Sisa dan Pemulihan merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membiayai pelanggan dalam industri bagi aktiviti berkaitan dengan pengurusan (termasuk pengumpulan, rawatan dan pelupusan) pelbagai bentuk sisa. Output sisa atau proses rawatan kumbahan boleh dilupuskan atau menjadi input kepada proses pengeluaran lain. Aktiviti bekalan air juga dikumpulkan dalam bahagian ini.

Pembinaan merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membiayai pelanggan dalam industri bagi aktiviti pembinaan am dan pembinaan khusus bagi bangunan dan kerja-kerja kejuruteraan awam. Bahagian ini juga merangkumi pembangunan projek pembinaan bangunan atau kerja kejuruteraan awam dengan menghimpunkan kaedah kewangan, teknikal dan fizikal bagi merealisasikan projek pembinaan untuk dijual kemudian. Sekiranya aktiviti-aktiviti ini dijalankan bukan untuk penjualan kemudian projek pembinaan, tetapi untuk operasi mereka (contohnya menyewa ruang di bangunan-bangunan ini, aktiviti perkilangan di loji-loji ini), unit itu tidak akan dikelaskan di sini, tetapi mengikut aktiviti operasinya, iaitu harta tanah, perkilangan dan lain-lain.

Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membiayai pelanggan dalam industri jualan borong dan runcit (iaitu jualan tanpa perubahan) apa-apa jenis barang niaga dan memberikan perkhidmatan yang berkaitan dengan jualan barang niaga. Jualan borong dan runcit merupakan langkah terakhir dalam pengedaran barangan. Pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal juga termasuk dalam bahagian ini.

> *Perdagangan Borong, Kecuali Kenderaan Bermotor dan Motosikal* merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membiayai pelanggan dalam industri perdagangan borong menggunakan akaun sendiri atau berasaskan fi atau kontrak (perdagangan komisen) yang berkaitan dengan perdagangan borong dalam negeri serta perdagangan borong antarabangsa (import/eksport) yang tidak termasuk perdagangan borong kenderaan bermotor, karavan dan motosikal serta aksesori kenderaan bermotor.
>
> *Perdagangan Runcit, Kecuali Kenderaan Bermotor dan Motosikal* merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membiayai pelanggan dalam industri untuk penjualan semula (jualan tanpa perubahan) barangan baharu dan terpakai terutamanya kepada orang ramai untuk kegunaan atau penggunaan peribadi atau isi rumah, oleh kedai, gedung serbaneka, gerai, rumah pesanan mel, penjaja, koperasi pengguna, dan lain-lain yang tidak termasuk penjualan produk petani oleh petani; perkilangan dan penjualan barangan, penjualan kenderaan bermotor, motosikal dan alat gantinya; perdagangan bijirin, bijih, petroleum mentah, bahan kimia industri, besi dan keluli serta jentera dan peralatan perindustrian; penjualan makanan dan minuman untuk dimakan dan diminum di premis serta penjualan makanan untuk dibawa pulang; dan menyewa barangan peribadi dan isi rumah kepada orang ramai.

Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan dan Minuman merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membiayai pelanggan dalam industri penyediaan penginapan jangka pendek kepada pelawat dan pelancong lain serta penyediaan makanan dan minuman lengkap yang sesuai untuk kegunaan segera.

Pengangkutan dan Penyimpanan merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membiayai pelanggan dalam industri penyediaan pengangkutan penumpang atau barangan melalui kereta api, saluran paip, jalan raya, air atau udara serta aktiviti yang berkaitan seperti kemudahan terminal dan tempat letak kenderaan, pengendalian kargo, penyimpanan, dan lain-lain, termasuk sewaan peralatan pengangkutan bersama-sama dengan pemandu atau pengendali. Aktiviti pos dan kurier turut termasuk dalam bahagian ini.

Maklumat dan Komunikasi merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membiayai pelanggan dalam industri pengeluaran dan pengedaran produk maklumat dan budaya, penyediaan penghantaran atau pengedaran produk ini, serta data atau komunikasi, aktiviti teknologi maklumat dan pemprosesan data serta aktiviti perkhidmatan maklumat lain.

Aktiviti Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perniagaan

> *Aktiviti Kewangan dan Insurans/Takaful* merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membiayai

pelanggan dalam industri aktiviti perkhidmatan kewangan, termasuk insurans, insurans semula, takaful, takaful semula dan aktiviti pembiayaan pencen serta aktiviti untuk menyokong perkhidmatan kewangan. Aktiviti aset pemegangan, seperti aktiviti syarikat pemegangan dan aktiviti amanah, dana dan entiti kewangan yang serupa juga termasuk dalam bahagian ini.

Aktiviti harta tanah merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membiayai pelanggan dalam industri penjualan atau pembelian harta tanah, sewaan harta tanah, menyediakan harta tanah lain dengan bertindak sebagai pemajak, ejen, broker atau pengurus harta tanah. Aktiviti dalam bahagian ini boleh dijalankan ke atas harta sendiri atau harta yang dipajak dan boleh dilakukan secara berasaskan fi atau kontrak. Pembinaan struktur yang digabungkan dengan mengekalkan pemilikan atau pajakan struktur tersebut juga termasuk dalam bahagian ini.

Aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membiayai pelanggan dalam industri aktiviti profesional, saintifik dan teknikal yang pakar. Kesemua aktiviti ini memerlukan tahap latihan yang tinggi serta menyediakan pengetahuan dan kemahiran khusus untuk pengguna, termasuk aktiviti undang-undang dan perakaunan, aktiviti di ibu pejabat, aktiviti perundingan pengurusan, aktiviti seni bina dan kejuruteraan, ujian dan analisis teknikal, penyelidikan dan pembangunan saintifik, pengiklanan dan penyelidikan pasaran, aktiviti profesional, saintifik dan teknikal lain serta aktiviti veterinar.

Aktiviti Pentadbiran dan Khidmat Sokongan merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membiayai pelanggan yang menyokong operasi perniagaan am, termasuk aktiviti sewaan dan pajakan, aktiviti pekerjaan, agensi pelancongan, operator pelancongan dan aktiviti perkhidmatan tempahan lain, aktiviti keselamatan dan penyiasatan, perkhidmatan kepada bangunan dan aktiviti landskap, pentadbiran pejabat, sokongan pejabat dan aktiviti sokongan perniagaan yang lain.

Pendidikan, Kesihatan dan Lain-lain merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan untuk membiayai pelanggan dalam industri pentadbiran dan pertahanan awam; keselamatan sosial wajib; pendidikan; kesihatan insan dan aktiviti kerja sosial; seni, hiburan dan rekreasi; aktiviti perkhidmatan lain; aktiviti isi rumah sebagai majikan kakitangan domestik serta barangan dan aktiviti pengeluaran perkhidmatan dan barangan yang tidak dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri; serta aktiviti organisasi dan badan luar wilayah.

Sektor Isi Rumah merujuk jumlah pinjaman/pembiayaan untuk semua tujuan kepada isi rumah, yang juga termasuk pinjaman perumahan yang dijual kepada Cagamas.

Sektor Lain merujuk sektor yang tidak dikelaskan dalam mana-mana kelas atau subkelas di bawah sektor. Pinjaman kepada perniagaan individu juga termasuk dalam bahagian ini.

Jumlah pinjaman/pembiayaan merujuk pinjaman/pembiayaan kasar terkumpul termasuk pinjaman perumahan yang dijual kepada Cagamas. Jumlah pecahan tidak semestinya sama dengan jumlah keseluruhan pinjaman/pembiayaan disebabkan oleh penggenapan.

1.11.1, 1.13.2, 1.15.2, 1.17.2, 1.18, 1.18.1 Sistem Perbankan: Pengelasan Pinjaman Mengikut Jenis Kemudahan

Kemudahan Overdraf merujuk baki debit akaun semasa pelanggan.

Sewa Beli Belum Terima merujuk jumlah belum terima terkumpul daripada kemudahan sewa beli yang lazimnya dikeluarkan kepada syarikat dan individu untuk pembelian aset modal, khususnya kenderaan bermotor, jentera dan peralatan serta barangan pengguna tahan lama.

Pembelian Kereta Penumpang merujuk pinjaman/pembiayaan untuk pembelian kenderaan bermotor yang digunakan khususnya untuk membawa bilangan penumpang yang terhad dan termasuk kenderaan pelbagai guna yang membawa penumpang tetapi tidak termasuk bas dan bas mini.

Pajakan Belum Terima merujuk jumlah belum terima terkumpul daripada kemudahan pajakan (sewa pajakan). Aset yang dipajak lazimnya merupakan peralatan dan jentera.

Pendiskaunan Blok Belum Terima merujuk jumlah belum terima terkumpul daripada kemudahan diskaun blok, lazimnya kepada peniaga peralatan yang telah melanjutkan kemudahan sewa beli atau pembiayaan pajakan kepada pelanggan mereka.

Pembiayaan Penyambung merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan oleh bank-bank sebagai pemberi pinjaman peserta di bawah perjanjian pinjaman bersindiket atau konsortium.

Pemfaktoran Belum Terima merujuk jumlah belum terima terkumpul yang disebabkan oleh pembelian hutang buku, lazimnya hutang perdagangan belum terima.

Pembiayaan Peribadi merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan kepada individu bagi tujuan peribadi yang tidak dinyatakan, untuk tempoh yang tetap dengan jadual bayaran balik yang tetap.

Pembiayaan Perumahan merujuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan kepada individu untuk pembelian harta kediaman.

Pembiayaan Bertempoh Lain merujuk pinjaman/pembiayaan bertempoh yang tidak dikelaskan dalam mana-mana bahagian lain dalam subkelas 'Pinjaman/Pembiayaan Bertempoh'.

Pembiayaan Bil terdiri daripada bil perdagangan yang merujuk bil pertukaran (termasuk penerimaan jurubank institusi pelaporan sendiri) yang diberikan diskaun atau dibeli oleh institusi pelaporan (termasuk liabiliti pelanggan untuk penerimaan jurubank, bil penerimaan jurubank bank sendiri yang telah mendapat diskaun dan bil perdagangan lain yang mendapat diskaun), pembiayaan semula kredit eksport dan kemudahan perdagangan lain.

Resit Amanah merujuk pendahuluan terkumpul yang dikeluarkan kepada pelanggan terhadap surat amanah yang secara amnya untuk penjelasan bil segera (*sight bills*) yang dikeluarkan kepada pelanggan oleh pembekal mereka.

Kredit Pusingan merujuk pendahuluan yang dikeluarkan kepada pelanggan di bawah perjanjian pinjaman yang membenarkan pelanggan meminjam wang dan membuat bayaran balik pada bila-bila masa sepanjang tempoh perjanjian.

Kad Kredit/Caj merujuk tuntutan institusi pelaporan ke atas pemegang kad kredit/caj yang dikeluarkan oleh institusi pelaporan yang disebabkan oleh transaksi pembelian yang dibuat oleh pemegang kad dan peminjaman tunai yang dibuat melalui kad kredit tersebut.

Pembiayaan dalam Mata Wang Asing merujuk semua pinjaman/pembiayaan dalam denominasi mata wang asing yang dikeluarkan oleh sesebuah bank kepada pelanggannya.

Pinjaman Skim Perbankan Islam (SPI) atau Islamic Banking Scheme (IBS) merujuk semua pembiayaan yang dikeluarkan kepada pelanggan oleh operasi perbankan Islam institusi berlesen SPI. Berkuat kuasa bulan Disember 2008, data SPI/IBS mewakili SPI/IBS bagi bank Perdagangan dan Pelaburan.

Lain-lain terdiri daripada pinjaman/pembiayaan kakitangan, pinjaman/pembiayaan penstokan lantai, pinjaman/pembiayaan margin saham, pinjaman/pembiayaan SPI dan pinjaman/pembiayaan lain.

Jumlah pinjaman/pembiayaan merujuk pinjaman/pembiayaan kasar terkumpul termasuk pinjaman perumahan yang dijual kepada Cagamas. Jumlah pecahan tidak semestinya sama dengan jumlah keseluruhan pinjaman/pembiayaan disebabkan oleh penggenapan.

Pada bulan Jun 2019, data tersebut telah disemak berikutan 'pengambilalihan' Asian Finance Bank Berhad oleh Malaysia Building Society Berhad untuk membentuk MBSB Bank Berhad. Data yang disemak merujuk data mulai bulan April 2018.

1.18.2 Sistem Perbankan Islam: Pembiayaan oleh Kontrak Syariah

Bai' 'Inah merujuk pengaturan yang melibatkan penjualan aset kepada pembeli secara tertunda dan pembelian aset berikutnya pada harga tunai yang lebih rendah daripada harga jualan tertunda atau sebaliknya yang mematuhi keperluan khusus *bai' 'inah*.

Ijarah merujuk perjanjian pajakan iaitu pemberi pajak memindahkan hak untuk menggunakan (atau *usufruct*) aset yang dipajak kepada pemajak untuk tempoh yang dipersetujui dan pada pertimbangan yang dipersetujui iaitu dalam bentuk sewa pajakan. Pemajak mengekalkan pemilikan aset yang dipajak semasa tempoh pajakan di bawah kontrak ini.

> *Ijarah Muntahiyah Bit Tamlik* merujuk pajakan dengan tujuan utamanya adalah untuk pemajak memiliki aset yang dipajak. Seterusnya, pajakan ini disertakan dengan mekanisme untuk memindahkan hak milik aset yang dipajak kepada pemajak semasa atau pada akhir tempoh pajakan.
>
> *Ijarah Thumma Al-Bai'* merujuk kontrak pajakan iaitu pemindahan hak milik aset yang dipajak kepada pemajak apabila sampai tempoh matang dilakukan melalui jualan, sama ada pada harga token, ansuran akhir, formula atau lain-lain. Pemindahan dijamin melalui *wa'd* (janji) untuk pembelian oleh pemajak atau *wa'd* untuk penjualan oleh pemberi pajak.
>
> *Ijarah Mawsufah fi Zimmah* merujuk kontrak pajakan hadapan iaitu *usufruct* aset dipindahkan kepada pemajak untuk tempoh tertentu pada masa hadapan dan berakhir dengan pemindahan hak milik aset yang dipajak kepada pemajak. Aset ini akan disediakan oleh pemberi pajak pada tarikh yang dipersetujui berdasarkan spesifikasi yang dipersetujui antara pihak yang membuat kontrak.
>
> *Ijarah Muntahiyah Bit Tamlik Lain* terdiri daripada Ijarah Muntahiyah Bit Tamlik (Hibah).

Istisna' merujuk kontrak apabila penjual menjual aset yang masih belum dibina, dibangunkan atau dikilangkan kepada pembeli mengikut spesifikasi yang dipersetujui dan dihantar mengikut tarikh yang dipersetujui pada harga yang telah ditetapkan.

> *Istisna' Selari* merujuk perjanjian yang melibatkan dua kontrak *istisna*' apabila kontrak *istisna*' kedua mempunyai spesifikasi yang serupa dengan aset *istisna*' yang berhubung dengan aset *istisna'* kontrak *istisna'* pertama.

Usaha Niaga Mudarabah merujuk kontrak antara pembekal modal (*rabbul mal*) dengan usahawan (*mudarib*) iaitu *rabbul mal* menyediakan modal untuk diuruskan oleh *mudarib* dan apa-apa keuntungan yang dijana daripada modal itu dikongsi antara *rabbul mal* dengan *mudarib* mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui bersama (*profit sharing ratio*, PSR). Kerugian kewangan pula ditanggung oleh *rabbul mal* dengan syarat kerugian tersebut bukan disebabkan oleh salah laku *mudarib* (*ta'addi*), kecuaian (*taqsir*) atau pelanggaran syarat-syarat tertentu (*mukhalafah al-shurut*). Ukuran adalah mengikut panduan MFRS bank individu.

Murabahah merujuk penjualan aset yang kos pengambilalihannya dan kenaikan harganya didedahkan kepada pembeli.

> *Murabahah kepada Pemesan Belian* merujuk perjanjian iaitu pemesan belian (pembeli) berjanji (*wa'd*) untuk membeli aset yang dikenal pasti dan ditentukan daripada penjual mengikut terma *murabahah* apabila penjual memperoleh aset tersebut.

Pembiayaan Musyarakah merujuk pembiayaan menggunakan kontrak *musyarakah* yang distrukturkan bagi mencerminkan profil risiko pembiayaan berasaskan hutang yang selaras dengan konsep Syariah *shirkah al-milk* (perkongsian dalam hak milik bersama).

> *Musyarakah Mutanaqisah (*dengan objektif pemerolehan aset) merujuk *musyarakah* yang dimeterai oleh dua atau lebih pihak bagi aset tertentu yang membolehkan salah satu rakan kongsi memperoleh pegangan saham rakan kongsi yang lain secara beransur-ansur melalui kaedah penebusan yang dipersetujui sepanjang tempoh kontrak *musyarakah*

berdasarkan prinsip *shirkah al-milk* yang sebelum ini dikenali sebagai *Shirkah Mutanaqisah*.

Usaha Niaga Musyarakah merujuk perkongsian antara dua atau lebih pihak iaitu semua pihak akan berkongsi keuntungan dan menanggung kerugian daripada perkongsian serta pengagihan keuntungan akan dibahagikan mengikut nisbah yang dipersetujui. Sekiranya berlaku kerugian, semua pihak akan berkongsi kerugian berdasarkan nisbah penyertaan modal mereka. Kategori ini merangkumi *musyarakah mutanaqisah* dengan objektif untuk menceburi aktiviti perniagaan yang menjana keuntungan dan ditadbir oleh prinsip *shirkah al-'aqd* (perkongsian kontrak). Ukuran adalah mengikut panduan MFRS bank individu.

Qard merujuk kontrak pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam dan peminjam terikat untuk mengembalikan jumlah penggantian yang setara kepada pemberi pinjaman.

Qard (Kontrak Tunggal) merujuk pembiayaan qard yang diberikan secara kendiri dan tidak diatur dengan mana-mana kontrak Syariah lain, contohnya *ujrah* atau *rahn*.

Qard dengan Rahn merujuk pembiayaan *qard* yang dijamin oleh cagaran di bawah kontrak *rahn* iaitu cagaran akan digunakan bagi menyelesaikan obligasi sekiranya berlaku kemungkiran peminjam seperti Ar-Rahnu.

Qard with Ujrah merujuk pembiayaan *qard* dengan Ujrah (fi) yang dikenakan untuk perkhidmatan, kemudahan atau keistimewaan yang sudah dikenal pasti diberikan kepada pelanggan yang tidak boleh mempunyai kaitan dengan kontrak *qard* dalam apa-apa cara. Ujrah tidak berdasarkan baki terkumpul transaksi pinjaman atau yang dikenakan untuk lanjutan pinjaman, kelewatan bayaran balik pinjaman atau pertukaran wang tunai dengan wang tunai pada nilai yang berbeza. Jumlah pembiayaan terkumpul juga mungkin termasuk caj untuk menampung kos langsung penyediaan perkhidmatan, manfaat, kemudahan atau keistimewaan yang dikenal pasti yang berkaitan dengan kontrak *qard*.

Tawarruq terdiri daripada dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tertunda. Seterusnya, pembeli jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan semerta.

Lain-lain terdiri daripada Bai' Al-Dayn, Bai' As-Salam, Hiwalah, Kafalah, Sarf dan Wakalah.

Jumlah pembiayaan merujuk pembiayaan terkumpul yang tidak termasuk pembiayaan yang dijual kepada Cagamas.

Berkuat kuasa bulan Disember 2008, data SPI/IBS mewakili SP/IBS bank Perdagangan dan bank Pelaburan.

1.21, 1.21.1, 1.22, 1.23 Pinjaman Tidak Berbayar/Pinjaman Terjejas dan Peruntukan Jejas Nilai

Mulai terbitan bulan Ogos 2022, jadual statistik yang berkaitan dengan pinjaman/pembiayaan terjejas telah dikemas kini dengan takrifan data yang lebih tepat dan diseragamkan kepada asas kasar. Jadual asal akan dinamakan semula kepada 1.21c, 1.21.1c, 1.22b dan 1.23b dan tidak akan dikemas kini lagi.

Format dan struktur jadual Penyata Statistik Bulanan yang disemak kekal sama dengan pengelasan semula terdahulu yang berkuat kuasa bulan Januari 2018 iaitu Penyata Statistik Bulanan 1.21c, 1.21.1c, 1.22b dan 1.23b dilaporkan berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) 9. Penggunaan keperluan MFRS 9 adalah berdasarkan tahun kewangan bank. Pengelasan pinjaman/pembiayaan terjejas dan peruntukan jejas nilai bagi pinjaman/pembiayaan adalah selaras dengan MFRS 9.

Perubahan adalah seperti yang berikut:

Jumlah peruntukan terdiri daripada Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup Terjejas Kredit yang dilaporkan oleh bank-bank yang telah menggunakan MFRS 9, serta Peruntukan Jejas Nilai Kolektif dan Peruntukan Jejas Nilai Individu yang dilaporkan oleh bank-bank yang masih belum menggunakan MFRS 9.

Nisbah Pinjaman/Pembiayaan Terjejas Bersih kepada Jumlah Pinjaman/Pembiayaan Bersih merujuk jumlah Pinjaman/Pembiayaan Terjejas Kredit Seumur Hidup, ditolak Peruntukan Jejas Nilai Kredit Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup sebagai sebahagian daripada pinjaman/pembiayaan kasar terkumpul, ditolak Peruntukan Jejas Nilai Kredit Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup.

Nisbah Jumlah Peruntukan kepada Jumlah Pinjaman/Pembiayaan ialah nisbah baharu yang diperkenalkan sebagai penunjuk peruntukan bank-bank bagi menggantikan Nisbah peruntukan jejas nilai individu dan kolektif kepada jumlah pinjaman terjejas.

Jadual 1.21b, 1.21.1b, 1.22a dan 1.23a dilaporkan berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS) 139 berkuat kuasa pada bulan Januari 2010. Penggunaan keperluan FRS 139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank. Pengelasan pinjaman/pembiayaan terjejas dan peruntukan bagi jejas nilai pinjaman/pembiayaan adalah selaras dengan FRS 139 seperti yang diperincikan dalam Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai bagi Pinjaman/Pembiayaan.

Sebelum bulan Januari 2010, Jadual 1.21a dan 1.21.1a dilaporkan berdasarkan takrifan yang berikut:

Pinjaman tidak berbayar merujuk jumlah pinjaman tertunggak (pokok dan faedah) yang dikelaskan sebagai tidak berbayar apabila pokok atau faedah mempunyai tunggakan enam bulan atau lebih. Faedah ke atas pinjaman ini kemudiannya digantung. Berkuat kuasa daripada tahun kewangan bermula 1 Januari 1998, pinjaman dikelaskan sebagai tidak berbayar apabila mempunyai tunggakan selama enam bulan atau lebih.

Faedah dalam penggantungan merujuk bahagian faedah yang kemudiannya digantung atau tidak diiktiraf sebagai pendapatan faedah selepas akaun dikelaskan sebagai tidak berbayar. Berkuat kuasa daripada tahun kewangan bermula 1 Januari 1998, institusi perbankan dikehendaki membuat penolakan balik faedah (*claw-back interest*) daripada hari pertama kemungkiran bagi pinjaman tidak berbayar yang baharu.

Peruntukan khusus merujuk peruntukan yang dibuat pada akaun tertentu yang dianggap substandard, meragukan atau lapuk. Institusi perbankan dikehendaki menyediakan sekurang-kurangnya 50% ke atas kekurangan nilai jaminan ke atas jumlah pinjaman terkumpul, ditolak faedah belum diperoleh dan faedah digantung untuk semua akaun ragu dan 100% ke atas kekurangan nilai jaminan untuk semua akaun lapuk.

Peruntukan am merujuk peruntukan am yang dibuat atas jumlah portfolio pinjaman. Institusi perbankan dikehendaki mengekalkan peruntukan am berjumlah sekurang-kurangnya 1.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul, ditolak faedah tergantung dan peruntukan khusus bagi hutang lapuk dan ragu.

Jumlah pinjaman merujuk pinjaman/pembiayaan kasar terkumpul termasuk pinjaman perumahan yang dijual kepada Cagamas. Jumlah pinjaman bersih merujuk jumlah pinjaman ditolak faedah tergantung dan peruntukan khusus.

Nisbah dikira pada asas bersih iaitu faedah tergantung dan peruntukan khusus dikeluarkan daripada pinjaman tidak berbayar kasar dan jumlah pinjaman kasar. Sementara itu, jumlah peruntukan terdiri daripada peruntukan am ditambah nilai cagaran.

Jumlah pinjaman = Pinjaman kasar terkumpul (termasuk pinjaman perumahan yang dijual kepada Cagamas).

Pada bulan Jun 2019, data tersebut telah disemak berikutan 'pengambilalihan' Asian Finance Bank Berhad oleh Malaysia Building Society Berhad untuk membentuk MBSB Bank Berhad. Data yang disemak merujuk data mulai bulan April 2018.

1.24 Sistem Perbankan: Jumlah Deposit Mengikut Jenis

Pada bulan Jun 2019, data telah disemak untuk mengambil kira 'pengambilalihan' Asian Finance Bank Berhad oleh Malaysia Building Society Berhad untuk menubuhkan MBSB Bank Berhad. Data disemak merujuk data mulai bulan April 2018.

1.24.1 – 1.24.2 Sistem Perbankan Islam: Deposit Mengikut Jenis dan Penyimpan

Data *sistem perbankan Islam* (IBS) merujuk data IBS bank perdagangan dan bank saudagar/pelaburan.
NID dalam FX tidak dilaporkan oleh institusi perbankan.

Badan Berkanun termasuk kerajaan tempatan.

Pada bulan Jun 2019, data telah disemak untuk mengambil kira 'pengambilalihan' Asian Finance Bank Berhad oleh Malaysia Building Society Berhad untuk menubuhkan MBSB Bank Berhad. Data disemak merujuk data mulai bulan April 2018.

1.25, 1.25.1 – 1.25.4 Sistem Perbankan: Deposit dan Perjanjian Belian Balik Mengikut Penyimpan

Badan Berkanun termasuk kerajaan tempatan.

Institusi Kewangan termasuk BNM, institusi perbankan domestik, institusi kewangan bukan bank domestik dan institusi perbankan asing. Deposit Mudah Tunai Domestik institusi-institusi tersebut dikecualikan.

Lain-lain merangkumi entiti domestik lain dan entiti bukan bank asing.

Pada bulan Jun 2019, data telah disemak untuk mengambil kira 'pengambilalihan' Asian Finance Bank Berhad oleh Malaysia Building Society Berhad untuk menubuhkan MBSB Bank Berhad. Data disemak merujuk data mulai bulan April 2018.

1.25.5 Sistem Perbankan: Deposit Mata Wang Asing dan Deposit Lain Mengikut Penyimpan

Badan Berkanun termasuk kerajaan tempatan.

Institusi Kewangan termasuk BNM, institusi perbankan domestik, institusi kewangan bukan bank domestik dan institusi perbankan asing. Deposit mudah tunai domestik yang diterima daripada institusi-institusi tersebut dikecualikan.

Deposit Mata Wang Asing Mengikut Penyimpan merujuk semua deposit mata wang asing yang diterima daripada pemastautin atau bukan pemastautin.

Lain-lain termasuk entiti domestik lain dan entiti bukan bank asing.

Pada bulan Jun 2019, data telah disemak untuk mengambil kira 'pengambilalihan' Asian Finance Bank Berhad oleh Malaysia Building Society Berhad untuk menubuhkan MBSB Bank Berhad. Data disemak merujuk data mulai bulan April 2018.

1.25.6 Sistem Perbankan: Deposit Tetap, Deposit Pelaburan Khusus dan Deposit Pelaburan Am mengikut Cukup Tempoh Asal

Pada bulan Jun 2019, data telah disemak untuk mengambil kira 'pengambilalihan' Asian Finance Bank Berhad oleh Malaysia Building Society Berhad untuk menubuhkan MBSB Bank Berhad. Data disemak merujuk data mulai bulan April 2018.

1.27 Keperluan Rizab Berkanun dan Keperluan Aset Mudah Tunai

Keperluan Rizab Berkanun (SRR). Bank perdagangan, bank-bank Islam dan bank pelaburan dikehendaki menyimpan suatu jumlah yang bersamaan dengan nisbah Keperluan Rizab Berkanun (peratusan yang ditetapkan atas tanggungan yang layak) dalam bentuk rizab tunai dengan BNM.

1.28 Rangka Kerja Mudah Tunai Baharu

Keperluan Aset Mudah Tunai (LAR). Bank perdagangan, bank-bank Islam dan bank pelaburan/saudagar dikehendaki mengekalkan suatu jumlah yang bersamaan dengan nisbah Keperluan Mudah Tunai (satu peratusan yang ditentukan atas tanggungan yang layak) dalam bentuk aset mudah tunai yang ditetapkan.

Aset Mudah Tunai ialah aset yang ditetapkan, yang boleh dipegang oleh institusi perbankan bagi memenuhi Keperluan Aset Mudah Tunai. Ini termasuk baki wang tunai dalam RM, baki akaun semasa dengan BNM dalam RM, wang panggilan dalam RM yang disimpan dengan syarikat diskaun, simpanan semalaman antara bank dengan rumah diskaun dalam RM, bil perdagangan mudah tunai maksimum, sekuriti hutang yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam RM, sekuriti hutang yang diterbitkan oleh BNM dalam RM, Nota Cagamas dalam RM, dan Bon Cagamas dalam RM - Kumpulan 1.

Bermula 2 Januari 2001, LAR digantikan dengan Rangka Kerja Mudah Tunai Baharu. Di bawah rangka kerja ini, institusi perbankan dikehendaki membuat unjuran aset dan tanggungan masing-masing berdasarkan profil kematangan.

Keperluan Pematuhan yang Dipersetujui ialah keperluan pematuhan dalam peratusan daripada deposit seperti ditunjukkan dalam kurungan pada jadual. Di bawah Rangka Kerja Mudah Tunai ini, keperluan pematuhan telah ditetapkan sebagai bersamaan dengan suatu peratusan yang ditetapkan daripada asas deposit institusi perbankan dan mengambil kira keperluan tersebut, contohnya, institusi perbankan hendaklah mampu menampung pengeluaran deposit sehingga 3% daripada asas depositnya dalam tempoh seminggu (3 hari untuk bank pelaburan) atau 5% daripada asas depositnya dalam tempoh sebulan. Sebaliknya, di bawah rangka kerja lama, institusi perbankan dikehendaki memegang aset mudah tunai yang bersamaan dengan suatu peratusan yang ditetapkan daripada tanggungan yang layak.

Transformasi bank saudagar kepada bank pelaburan telah membawa kepada perubahan dalam keperluan pelaporan lebihan mudah tunai, dengan lebihan mudah tunai bank pelaburan dikira pada asas setiap 3 hari untuk mengambil kira aliran jangka pendek disebabkan terutamanya oleh aktiviti broker saham. Oleh itu, bermula Disember 2006, lebihan mudah tunai dalam ruangan ini menunjukkan laporan lebihan mudah tunai pada asas setiap 3 hari bagi bank pelaburan bersama-sama dengan laporan mudah tunai pada asas setiap 1 minggu bagi bank saudagar dalam tempoh transformasi kepada bank pelaburan.

1.28a Nisbah Perlindungan Mudah Tunai

Bermula bulan Jun 2015, NLF digantikan dengan rangka kerja Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (LCR) *Basel III*. LCR bertujuan untuk memastikan institusi perbankan memegang aset cair berkualiti tinggi (Stok HQLA) yang mencukupi untuk berhadapan dengan senario tekanan mudah tunai yang teruk dalam tempoh 30 hari.

LCR dikira dengan membahagikan jumlah Stok HQLA dengan jumlah Aliran Keluar Tunai Bersih.

Andaian tekanan diambil kira dalam LCR melalui pengurangan (*haircuts*) terhadap stok HQLA dan juga faktor *'run-off'* terhadap item aliran tunai.

Stok HQLA merujuk kepada aset Aras 1, Aras 2A dan Aras 2B seperti yang dinyatakan dalam rangka kerja tersebut. Antara lain, *stok HQLA* termasuk wang tunai, rizab bank pusat, bon/sukuk berdaulat, bon/sukuk korporat berpenarafan AAA dan Cagamas *Residential Mortgage-backed Securities (RMBS)* serta bon/sukuk korporat berpenarafan A (mata wang asing sahaja).

Aliran Keluar Tunai Bersih merujuk jumlah aliran keluar tunai tolak jumlah aliran masuk tunai yang dijangkakan semasa senario tekanan mudah tunai dalam tempoh 30 hari, dan dikira berdasarkan kadar *'run-off'* dan kadar aliran masuk seperti yang ditetapkan dalam rangka kerja tersebut.

Pada bulan Jun 2019, data telah disemak untuk mengambil kira 'pengambilalihan' Asian Finance Bank Berhad oleh Malaysia Building Society Berhad untuk menubuhkan MBSB Bank Berhad. Data disemak merujuk data mulai bulan April 2018.

1.29, 1.29.1-1.29.4 Sistem Perbankan: Komponen Modal

Modal Kumpulan 1 merujuk modal berbayar, syer keutamaan kekal bukan kumulatif, premium syer, dana rizab berkanun, dana rizab am, untung tertahan, keuntungan/kerugian daripada penjualan pelaburan tetap dan jangka panjang selain kepentingan minoriti (selaras dengan komponen modal Kumpulan 1) dan selepas ditolak muhibah (*goodwill*). Mulai bulan November 2000, Modal Kumpulan 1 termasuk untung selepas cukai setengah tahun teraudit.

Modal Kumpulan 2 merujuk instrumen modal hibrid, kepentingan minoriti daripada syer keutamaan, pinjaman bertempoh subordinat, rizab penilaian semula dan peruntukan am untuk hutang ragu dan lapuk.

Jumlah Modal merujuk jumlah modal Kumpulan 1 dan modal Kumpulan 2 yang layak. Modal Kumpulan 2 yang layak adalah bersamaan dengan jumlah modal Kumpulan 2 atau jumlah modal Kumpulan 1, yang mana lebih rendah.

Pelaburan dalam anak syarikat dan pemegangan modal institusi perbankan lain merujuk pelaburan ekuiti institusi perbankan dalam anak-anak syarikat dan pemegangan modal institusi perbankan lain dalam bentuk saham, instrumen modal hibrid atau pinjaman bertempoh subordinat.

Modal Asas merujuk jumlah modal selepas ditolak pelaburan dalam anak-anak syarikat dan pemegangan modal institusi perbankan lain.

Jumlah Aset Berwajaran Risiko ialah jumlah asset mengikut wajaran risiko.

Nisbah Modal Berwajaran Risiko merujuk nisbah modal asas kepada aset berwajaran risiko.

Nisbah Modal Utama merujuk nisbah modal Kumpulan 1 kepada aset berwajaran risiko. Walau bagaimanapun, sekiranya jumlah pelaburan dalam anak-anak syarikat dan pegangan modal institusi perbankan lain melebihi modal Kumpulan 2 institusi tersebut, maka modal teras adalah bersamaan dengan modal asas.

Data untuk jadual di bawah telah disemak disebabkan oleh perubahan dalam cara pengiraan aset berwajaran risiko bagi *Skim Perbankan Islam* mulai bulan Januari 2013:

1. Jadual 1.29a, 1.29.2a: *Jumlah Aset Berwajaran Risiko*; dan

2. Jadual 1.29.4a: *Jumlah Aset Berwajaran Risiko*, *Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (%), Nisbah Modal Kumpulan 1 (%) dan Nisbah Jumlah Modal (%).*

Pada bulan Jun 2019, data telah disemak untuk mengambil kira 'pengambilalihan' Asian Finance Bank Berhad oleh Malaysia Building Society Berhad untuk menubuhkan MBSB Bank Berhad. Data disemak merujuk data mulai bulan April 2018 dan boleh didapati dalam jadual 1.29a, 1.29.2a, 1.29.4a Jumlah Aset Berwajaran Risiko.

1.31 Nisbah Pinjaman kepada Dana, Nisbah Pinjaman kepada Dana dan Ekuiti dan Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia

Pada bulan Jun 2019, data telah disemak untuk mengambil kira 'pengambilalihan' Asian Finance Bank Berhad oleh Malaysia Building Society Berhad untuk menubuhkan MBSB Bank Berhad. Data disemak merujuk data mulai bulan April 2018.

1.31, 1.32, 1.32.1 – 1.32.5 Sistem Perbankan Islam: Jumlah Akaun Pelaburan

Pada bulan Jun 2019, data telah disemak untuk mengambil kira 'pengambilalihan' Asian Finance Bank Berhad oleh Malaysia Building Society Berhad untuk menubuhkan MBSB Bank Berhad. Data disemak merujuk data mulai bulan April 2018.

2.1 Kadar Faedah: Institusi Perbankan dan 2.2 Sistem Perbankan Islam: Kadar Pembiayaan, Kadar Keuntungan kepada Pendeposit dan Kadar Pulangan kepada Pemegang Akaun Pelaburan

Kadar Deposit Tetap merujuk kadar deposit tetap purata bank perdagangan dan bank Islam untuk tempoh matang 1, 3, 6, 9 dan 12 bulan yang dikira berdasarkan purata mudah dan mulai bulan Julai 2022, kadar deposit tetap purata berwajaran disediakan yang merujuk kadar deposit tetap yang diwajarkan pada jumlah deposit tetap setiap institusi kewangan. Kadar faedah bagi deposit tetap dengan tempoh matang lebih 12 bulan boleh dirunding dan oleh itu tidak dimasukkan ke dalam jadual ini.

Kadar Deposit Tabungan merujuk kadar deposit tabungan purata bank perdagangan dan bank Islam yang dikira berdasarkan purata mudah dan mulai bulan Julai 2022, kadar deposit tabungan purata berwajaran disediakan yang merujuk kadar deposit tabungan yang diwajarkan pada jumlah deposit simpanan setiap institusi kewangan.

Kadar Pinjaman Purata/Kadar Pembiayaan Purata merujuk kadar pemberian pinjaman/pembiayaan purata bagi pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan oleh bank perdagangan dan bank pelaburan/bank Islam yang dikira berdasarkan purata mudah dan mulai bulan Julai 2022, kadar pinjaman/pembiayaan purata berwajaran terhadap pinjaman/pembiayaan terkumpul disediakan yang merujuk kadar purata yang diwajarkan pada jumlah pinjaman/pembiayaan terkumpul setiap institusi kewangan.

Kadar Pinjaman Asas (Base Lending Rate, BLR)/Kadar Pembiayaan Asas (Base Financing Rate, BFR) merujuk kadar pinjaman/pembiayaan asas purata yang ditawarkan oleh bank perdagangan/bank Islam kepada pelanggan mereka yang dikira berdasarkan purata mudah dan mulai bulan Julai 2022, kadar BLR/BFR purata berwajaran disediakan yang merujuk kadar yang diwajarkan pada pinjaman/pembiayaan terkumpul yang ditetapkan menggunakan BLR/BFR bagi setiap institusi kewangan. BLR/BFR berfungsi sebagai kadar rujukan utama untuk penetapan harga pinjaman/pembiayaan kadar terapung bagi institusi kewangan antara tahun 1983 hingga 2014. BLR/BFR termasuk kos dana, kos Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR), premium risiko mudah tunai, kos operasi dan margin keuntungan. Pada tahun 2015, Rangka Kerja Kadar Rujukan (Reference Rate Framework, RRF) telah diperkenalkan yang menetapkan Kadar Asas sebagai kadar rujukan yang akan digunakan untuk penetapan harga kemudahan pinjaman/pembiayaan runcit berkadar terapung.

Kadar Asas (Base Rate, BR) telah digunakan sebagai kadar rujukan untuk kemudahan pinjaman/pembiayaan runcit berkadar terapung baharu antara 2 Januari 2015 hingga 31 Julai 2022. BR terdiri daripada tanda aras kos dana institusi kewangan dan kos SRR. Komponen lain dalam penentuan harga pinjaman seperti risiko kredit peminjam, premium risiko mudah tunai, kos operasi dan margin keuntungan akan dicerminkan dalam spread yang melebihi BR. BR purata dikira dengan mengambil purata mudah BR manakala BR purata berwajaran merujuk kadar asas purata yang diwajarkan pada jumlah pinjaman/pembiayaan terkumpul yang ditetapkan menggunakan BR bagi setiap institusi kewangan.

Kadar Asas Standard (Standardised Base Rate, SBR) menggantikan BR sebagai kadar rujukan untuk pinjaman/pembiayaan runcit berkadar terapung baharu berkuat kuasa 1 Ogos 2022. Berbeza daripada BR, SBR adalah sama untuk semua institusi kewangan dan dihubungkan hanya kepada OPR yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) BNM. Komponen lain penetapan harga pinjaman seperti risiko kredit peminjam, premium risiko mudah tunai, kos operasi, margin keuntungan dan kos SRR akan ditunjukkan dalam spread yang melebihi SBR.

Formula SBR (untuk semua bank):

SBR = Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) BNM

Pada bulan Jun 2019, data telah disemak untuk mengambil kira 'pengambilalihan' Asian Finance Bank Berhad oleh Malaysia Building Society Berhad untuk menubuhkan MBSB Bank Berhad. Data disemak merujuk data mulai bulan April 2018.

"Akaun pelaburan" merujuk akaun yang membayar dan menerima wang bagi tujuan pelaburan, termasuk bagi peruntukan pembiayaan, mengikut Syariah dengan syarat tiada obligasi nyata atau tersirat untuk membayar balik wang itu sepenuhnya dan—
(a) sama ada hanya keuntungan, atau keuntungan dan kerugian, yang hendaklah dikongsi antara orang yang membayar wang dengan orang yang menerima wang; atau
(b) dengan atau tanpa apa-apa pulangan.

2.3 Kadar Faedah: Pasaran Wang Antara Bank

Kadar harian merujuk kadar purata deposit antara bank pada hari tersebut, dengan setiap kadar diwajarkan mengikut jumlah urus niaga pada kadar-kadar tersebut. *Kadar bulanan* merujuk kadar purata bagi hari-hari urus niaga bulan tersebut, dan *kadar tahunan* merujuk kepada purata bagi kesemua hari urus niaga tahun tersebut.

2.9, 2.10 Dana yang Diperoleh di Pasaran Modal

Pasaran Modal terdiri daripada pasaran bon Kerajaan, pasaran saham dan pasaran sekuriti hutang swasta. Semua bon Kerajaan dan sekuriti hutang swasta merupakan bon yang mempunyai tempoh matang lebih daripada satu tahun. *Dana yang Diperoleh* dicatat sebagai jumlah diterima pada tarikh pembayaran, sekiranya ada.

Sekuriti Kerajaan Malaysia ialah bon yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan. *Bon Khazanah* ialah bon yang diterbitkan oleh Khazanah Nasional Bhd., anak syarikat milik penuh Kementerian Kewangan, terutamanya untuk tujuan penanda aras. *Terbitan Pelaburan Kerajaan* ialah bon yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan sebagai sebahagian daripada langkah untuk membangunkan skim perbankan tanpa faedah (mengikut prinsip Islam) di negara ini. *Bon Simpanan Malaysia* diterbitkan terutamanya untuk individu Malaysia bagi memupuk tabiat menabung dan mendidik individu tentang asas-asas pelaburan dalam bon. *Bon Islam* ialah bon yang diterbitkan mengikut prinsip Islam. *Bon Cagamas* ialah bon pengsekuritian yang diterbitkan oleh perbadanan cagaran negara, Cagamas Berhad.

Tawaran Awam Awal meliputi cara penyenaraian berikut: terbitan awam; tawaran jualan, penempatan dan tender. Terbitan awam ialah tawaran kepada orang ramai untuk melanggan sekuriti penerbit sendiri.

Tawaran jualan ialah tawaran kepada orang ramai untuk sekuriti yang diterbitkan. *Penempatan* ialah tawaran sekuriti kepada orang tertentu atau diluluskan oleh penerbit, proses yang lazimnya dilaksanakan untuk mematuhi saiz minimum yang ditetapkan bagi saham milik awam yang disenaraikan.

Tender ialah tawaran sebahagian daripada sekuriti secara tender pada harga bidaan minimum.

Terbitan hak ialah tawaran sekuriti baharu oleh syarikat yang disenaraikan di bursa saham kepada pemegang saham sedia ada. *Penempatan persendirian* ialah tawaran sekuriti baharu kepada pihak/mereka yang bermanfaat kepada syarikat awam (syarikat yang disenaraikan di bursa saham).

Terbitan khas ialah tawaran sekuriti kepada pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan mengikut Dasar Pembangunan Negara.

2.11 Terbitan Baharu Sekuriti Hutang Swasta (kecuali Bon Cagamas) Mengikut Sektor

Sektor pengelasan dalam jadual ini adalah berasaskan Pengelasan Akaun Awam Mengikut Aktiviti Ekonomi (Keluaran Dalam Negeri Kasar). Terbitan baharu sekuriti hutang swasta merujuk kepada dana kasar yang diperoleh penerbit yang beroperasi dalam sesuatu sektor tertentu dan bukan merujuk kepada tujuan penggunaan dana tersebut.

3.5.8 Indeks Harga Pengguna

Indeks Harga Pengguna (IHP) yang berasaskan formula Laspeyres, mengukur kadar perubahan purata harga sekumpulan barangan dan perkhidmatan yang menggambarkan corak perbelanjaan semua isi rumah di Malaysia, dengan tahun 2010 sebagai tahun asasnya. Ini merupakan indeks komposit berdasarkan wajaran perbelanjaan mengikut kawasan yang dikira secara berasingan daripada tiga indeks kawasan iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

3.5.10 Indeks Harga Pengeluar

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) ialah indeks kegunaan am berasaskan formula Laspeyres. Indeks ini dibentuk untuk mengukur kadar purata perubahan harga barangan yang ditetapkan oleh pengeluar asal komoditi atau produk dan dibayar oleh pengimport di Malaysia, dengan tahun 2010 sebagai tahun asasnya. Indeks ini meliputi barangan daripada empat sektor industri, iaitu pertanian, perhutanan, pembalakan dan perikanan; perlombongan dan kuari; perkilangan; dan air, gas dan kuasa elektrik.

3.5.11 Penunjuk Harga Rumah

Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) merupakan indeks harga rumah berasaskan urus niaga dan mengambil kira perubahan dalam harga yang dibayar untuk sesebuah rumah "biasa". Perubahan harga dianggarkan dengan menilai harga sekumpulan rumah "biasa" yang diurus niaga dalam tempoh semasa dan membandingkan harganya dengan harga sekumpulan rumah yang cirinya adalah sama pada tahun asas (2000). Pada dasarnya, ini merupakan nisbah yang menunjukkan takat perubahan harga rumah antara dua tempoh (tempoh asas dan semasa) sekiranya pembeli rumah mengekalkan taraf hidup mereka dalam tempoh semasa.

3.6, 3.6.1, 3.6.1.1, 3.6.2 Imbangan Pembayaran

Data Imbangan Pembayaran semasa dikumpulkan berdasarkan garis panduan Manual Imbangan Pembayaran Edisi Keenam (BPM6) Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mulai suku pertama tahun 2010.

Data sebelum suku pertama tahun 2010 boleh didapati daripada Penyata Statistik Bulanan 3.6a yang dikumpulkan dalam Manual Imbangan Pembayaran Edisi Kelima (BPM5) Tabung Kewangan Antarabangsa.

3.6.9 – 3.6.10 Pelaburan Langsung di Luar Negeri

Pelaburan langsung di luar negeri (DIA) merujuk tuntutan dan liabiliti pelabur langsung Malaysia ke atas enterpris pelaburan langsung di negara lain. DIA mencerminkan hak kepentingan berterusan pelaburan jangka panjang, dengan pelabur langsung mempunyai pengaruh besar terhadap pengurusan enterpris pelaburan langsung. Item yang diklasifikasikan di bawah pelaburan langsung luar negeri ialah modal ekuiti, perolehan dilaburkan semula dan modal lain (sekuriti hutang, pinjaman, kredit perdagangan dan lain-lain).

3.6.11 – 3.6.12 Pelaburan Langsung Asing

Pelaburan langsung asing (FDI) merujuk liabiliti enterpris pelaburan langsung di Malaysia kepada, dan tuntutan ke atas, pelabur langsung dan sekutunya daripada ekonomi lain. FDI mencerminkan hak kepentingan berterusan pelaburan jangka panjang, dengan pelabur langsung mempunyai pengaruh besar terhadap pengurusan enterpris pelaburan langsung di Malaysia. Item yang diklasifikasikan di bawah pelaburan langsung asing ialah modal ekuiti, perolehan dilaburkan semula dan modal lain (sekuriti hutang, pinjaman, kredit perdagangan dan lain-lain).

3.6.13, 3.6.13.1, 3.6.13.2 Pelaburan Portfolio

Pelaburan portfolio terdiri daripada sekuriti ekuiti dan sekuriti hutang (bon dan nota, serta instrumen pasaran wang) yang didagangkan antara pemastautin dengan bukan pemastautin.

3.6.14 – 3.6.18 Kedudukan Pelaburan Antarabangsa

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (IIP) ialah stok aset dan liabiliti kewangan luar Malaysia pada akhir sesuatu tempoh. Dimensi utama dalam klasifikasi IIP adalah mengikut aset dan liabiliti kewangan, yang seterusnya dikategorikan mengikut jenis pelaburan, iaitu pelaburan langsung, pelaburan portfolio, derivatif kewangan, pelaburan lain dan aset rizab (hanya untuk aset). Perbezaan antara jumlah aset kewangan luar dengan liabiliti kewangan luar mencerminkan kedudukan bersih pelaburan antarabangsa Malaysia, iaitu sama ada kedudukan aset bersih atau kedudukan liabiliti bersih.

4.6.3, 4.6.8 Insurans Hayat

Perlucutan hak merujuk penamatan sesuatu polisi disebabkan oleh premium tidak dibayar sebelum polisi itu mempunyai nilai serahan.

4.6.1, 4.6.2, 4.6.4, 4.6.5, 4.6.6, 4.6.7 Insurans Hayat

Insurans Hayat Seumur Hidup merujuk wang insurans yang dibayar apabila berlaku kematian pada bila-bila masa menurut syarat-syarat polisi.

4.6.1, 4.6.4, 4.6.5, 4.6.6, 4.6.7, 4.8.5, 4.8.6, 4.8.7 Insurans Hayat dan Takaful Keluarga

Insurans/Takaful Endowmen merujuk wang insurans/takaful yang seharusnya dibayar apabila mencapai tarikh cukup tempoh sebagaimana dinyatakan dalam polisi/sijil atau sekiranya berlaku kematian lebih awal.

4.6.1, 4.6.2, 4.6.3, 4.6.4, 4.6.5, 4.6.6, 4.6.7, 4.6.8, 4.8.1, 4.8.2, 4.8.3, 4.8.5, 4.8.6, 4.8.7, 4.8.8, 4.8.10, 4.8.c Insurans Hayat dan Takaful Keluarga

Insurans Hayat/ Takaful Keluarga Kumpulan merujuk insurans hayat/takaful keluarga yang biasanya tanpa pemeriksaan perubatan, dikeluarkan di bawah satu polisi/sijil induk bagi melindungi sekumpulan orang. Ia biasanya dikeluarkan kepada majikan untuk faedah/manfaat para pekerjanya, atau kepada ahli-ahli sesebuah persatuan.

4.6.1, 4.6.2, 4.6.3, 4.6.4, 4.6.5, 4.6.6, 4.6.7, 4.8.1, 4.8.2, 4.8.3, 4.8.5, 4.8.6, 4.8.7 Insurans Hayat dan Takaful Keluarga

Insurans Hayat/ Takaful Keluarga Anuiti merujuk sesuatu kontrak yang memperuntukkan pendapatan bagi sesuatu tempoh yang bergantung kepada jangka umur seseorang.

4.6.1, 4.6.2, 4.6.4, 4.6.5, 4.6.6, 4.6.7, 4.8.5, 4.8.6, 4.8.7 Insurans Hayat dan Takaful Keluarga

Insurans/Takaful Bertempoh (Sementara) merujuk wang insurans/takaful yang dibayar apabila berlaku kematian dalam sesuatu tempoh yang ditetapkan.

4.6.4, 4.6.5, 4.6.8, 4.6.a, 4.7, 4.7.1, 4.7.6, 4.7.11, 4.7.13, 4.7.14, 4.7.a, 4.7.c, 4.8.1, 4.8.2, 4.8.3, 4.8.7, 4.8.10, 4.8.a, 4.8.c, 4.9, 4.9.6, 4.9.a, 4.9.c Insurans Hayat, Insurans Am, Takaful Keluarga dan Takaful Am

Premium/Caruman merujuk bayaran dalam bentuk wang yang dibayar sekali atau berkala oleh pemegang polisi/sijil kepada penanggung insurans atau pengendali takaful sebagai balasan terhadap perlindungan insurans/takaful yang disediakan.

4.7.13, 4.9.5 Insurans Am dan Takaful Am

Nisbah Tuntutan merujuk nisbah tuntutan bersih yang kena dibayar kepada pendapatan premium/caruman yang diperolehi.

4.7.13, 4.7.14, 4.7.a, 4.9.5, 4.9.6, 4.9.a Insurans Am dan Takaful Am

Pendapatan Premium/Caruman Diperolehi merujuk premium/caruman bersih ditolak perubahan dalam liabiliti premium/caruman di sepanjang tahun.

4.7.13, 4.7.20, 4.7.a, 4.9.5, 4.9.7, 4.9.a Insurans Am dan Takaful Am

Tuntutan Bersih Kena Dibayar merujuk tuntutan bersih yang dibayar campur perubahan dalam liabiliti tuntutan di sepanjang tahun.

4.7.3, 4.7.5, 4.9.2 Insurans Am dan Takaful Am

Nisbah Bendungan merujuk nisbah premium/caruman bersih kepada premium/caruman kasar.

4.7.a, 4.9.a Insurans Am dan Takaful Am

Keuntungan/Kerugian Pengunderaitan merujuk pendapatan premium/caruman yang diperolehi tolak tuntutan bersih kena dibayar, komisen dan perbelanjaan pengurusan.

4.7.13, 4.7.15, 4.7.16, 4.7.19, 4.7.20, 4.7.a, 4.9.2, 4.9.3, 4.9.4, 4.9.5, 4.9.7, 4.9.a Insurans Am dan Takaful Am

Tuntutan merujuk pemberitahuan kepada sesebuah penanggung insurans atau pengendali takaful bahawa pembayaran sesuatu jumlah wang yang seharusnya dibuat menurut terma-terma polisi/sijil.